

► Membaca

Baca petikan. Kemudian, padankan perkataan dan rangkai kata yang bercetak tebal dengan maknanya yang betul. SP 2.2.1

Encik Rusdi mengadakan majlis jamuan kesyukuran. Jamuan itu diadakan bersempena dengan kejayaan **anak tunggal** beliau yang akan melanjutkan pelajarannya ke **menara gading**.

Encik Rusdi menjemput jiran tetangga beliau yang berbilang bangsa. Isteri Encik Rusdi menyiapkan pelbagai **juadah** yang istimewa untuk tetamu mereka.

Tetamu **menjamu selera** sambil berbual-bual. Sebelum pulang, jiran-jiran Encik Rusdi berganding bahu untuk **berkemas**. Encik Rusdi dan isterinya sangat **terharu** oleh sikap kerjasama yang ditunjukkan oleh jiran tetangga mereka.



	Perkataan/ Rangkai Kata		Makna
1	anak tunggal	•	universiti
2	menara gading	•	makan dengan selernya
3	juadah	•	berasa hiba
4	menjamu selera	•	anak satu-satunya
5	berkemas	•	makanan
6	terharu	•	membersihkan sehingga rapi



Kamus Mini

1. majlis jamuan – majlis yang disertai dengan hidangan makan
2. kesyukuran – rasa syukur
3. anak tunggal – anak yang seorang sahaja (tidak beradik berkakak)
4. melanjutkan – meneruskan
5. menara gading – pusat pengajian tinggi
6. juadah – kuih atau penganan (secara umum)
7. tetamu – orang yang diundang (dijemput) untuk menghadiri jamuan dan lain-lain
8. menjamu selera – makan dengan sepuas-puasnya
9. berkemas – menyusun-nyusun (mengatur-atur) barang-barang dan sebagainya supaya segala-galanya kelihatan rapi (tidak berselerak dan lain-lain)
10. terharu – berasa hiba (kasihan, rawan hati, dan sebagainya)